



SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	19/3/2019	MUKA SURAT	: 14
JABATAN	:	KATS / YBM / PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Harimau Malaya kini tinggal kurang 200 ekor kerana ancaman pemburu haram Pak Belang diancam kepupusan

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

KUALA LUMPUR – Spesies Harimau Malaya kepupusan akan pupus dalam tempoh lima hingga 10 tahun lagi jika tiada tindakan drastik dilakukan bagi melindungi haiwan liar itu.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. A. Xavier Jayakumar berkata, populasi harimau tersebut menurun kerana pembinaan spesies itu kini tinggal hanya kurang daripada 200 ekor di seluruh negara.

Menurutnya, jumlah itu diiktirafkan berdasarkan dapatan terkini Survei Harimau Kebangsaan Pertama yang dijalankan dari 2016 hingga tahun lalu. “Data berkenaan menunjukkan populasi Harimau Malaya berada pada tahap yang menibayangkan. “Sekiranya tiada tindakan



XAVIER

drastik diambil bagi mengatasi masalah penurunan populasi Harimau Malaya itu, dhanggarakan dalam tempoh lima hingga 10 tahun Malaysia akan kehilangan spesies ini buat selamanya,” kata beliau dalam sesi soal jawab pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam. Xavier berkata demikian ketika menjawab soalan **Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil (PH-Lembah Pantai)** yang mahu mengetahui jumlah populasi Harimau Malaya di seluruh negara berdasarkan dapatan terkini Survei Harimau Kebangsaan Pertama dan langkah-langkah meningkatkan populasi haiwan itu. Xavier memberitahu, jumlah



HARIMAU Malaya diancam kepupusan berikutan pelbagai faktor termasuk kegiatan pemburuan haram. – Gambar hiasan

sebenar populasi Harimau Malaya hanya akan diketahui selepas survei berkenaan dijalankan selesai pada tahun depan.

Kata beliau, pihaknya melalui Jabatan Perindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dengan kerjasama agensi kerajaan kini sedang mengambill langkah proaktif bagi melindungi populasi Harimau Ma-

laya antaranya meningkatkan rondaan dan pemantauan di 20 lokasi *hotspot* pemburuan.

“Rondaan dan penguatkuasaan secara bersepadu bersama Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia juga sedang dibincangkan untuk dilaksanakan.”

“Terdapat juga persetujuan pada dasarnya daripada beberapa universiti untuk menda-

INFO

Harimau Malaya

- Boleh mencecah panjang 3.3 meter dan berat 300 kilogram
- Haiwan terbesar dalam kalangan spesies kucing
- Habitat di kawasan hutan seperti di Taman Negara Kuala Tahan, Jerantut, Pahang
- Harimau jantan boleh menguasai wilayah seluas 60-100 kilometer persegi manakala harimau betina hanya 20 kilometer persegi
- Jangka hayat seekor harimau boleh mencapai 20-25 tahun

patkan sukarelawan mahasiswa daripada kursus biodiversiti dan perhutanan untuk mengadakan rondaan,” ujarnya.

Kosmo! semalam melaporkan kerajaan telah mengisytiharkan ‘perang’ terhadap pemburu haram sebagai agenda nasional dalam komitmennya untuk memastikan spesies Harimau Malaya tidak pupus.